

04 DEC 1999

MB-Jawatan (Rangkuman)

DR KOH DILANTIK SEMULA, ADNAN ANGKAT SUMPAH DAN SANUSI TARIK DIRI

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Tan Sri Koh Tsu Koon dilantik semula sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang manakala Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid memutuskan untuk tidak menyambung tugas itu, yang menamatkan spekulasi mengenai siapa yang akan menerajui dua negeri di utara semenanjung itu selepas pilihan raya Isnin lepas.

Sementara itu di Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar ke-14 negeri itu di hadapan Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar di Pekan.

Pelantikan semula Dr Koh dibuat selepas dua Anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari Gerakan, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Lim Chien Aun (Bayan Lepas) keluar dari parti itu pada Khamis lepas, dan mendakwa antara lain kepimpinan Pulau Pinang "adalah tidak berkualiti".

Spekulasi tersebar luas bahawa MCA, yang mempunyai sembilan kerusi berbanding lapan yang dimiliki Gerakan berikutan langkah dua ADUN yang baru dipilih itu meninggalkan parti, akan menuntut jawatan ketua menteri itu.

Dr Koh menamatkan teka teki itu apabila beliau mengumumkan pada persidangan berita di sini bahawa beliau akan mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri pada Isnin ini.

Dr Koh, yang juga naib presiden Gerakan, berkata beliau menerima surat pelantikannya daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lepas.

Katanya majlis mengangkat sumpah itu nanti akan hanya melibatkan beliau seorang sahaja manakala anggota exco kerajaan negeri yang lain akan mengangkat sumpah sehari dua kemudian.

Semasa memberi ulasannya mengenai pelantikan itu, Setiausaha Agung Gerakan, Chia Kwang Chye meminta semua pihak supaya menerima keputusan pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) yang melantik semula Dr Koh.

Dengan Dr Koh akan mengekalkan jawatan itu yang disandanginya sejak 1990, Sanusi pula memutuskan sebaliknya.

Sanusi, anggota veteran Umno, mengumumkan hari ini bahawa beliau tidak lagi akan menjadi Menteri Besar Kedah kerana merasakan beliau tanggungjawab terhadap prestasi buruk Barisan Nasional di Kedah pada pilihan raya umum lepas.

"Dengan ini, saya ingin mengumumkan bahawa setelah melihat keputusan pilihan raya pada malam 29 Nov lepas, saya telah membuat keputusan untuk menolak sebarang tawaran menyambung lagi tugas sebagai Menteri Besar Kedah," katanya semasa membaca kenyataan tiga muka surat di kediaman peribadinya di Jalan Sultanah, di Alor Setar.

Dalam apa yang disifatkan prestasi terburuk BN Kedah, parti itu hanya memenangi 24 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri dan tujuh daripada 15 kerusi Parlimen.

Sanusi bagaimanapun tidak menyatakan siapa yang akan menggantikan beliau.

Sanusi dilantik sebagai Menteri Besar pada Jun 1996 bagi menggantikan Tan Sri Osman Aroff.

Di Pekan, Pahang, Adnan memberitahu pemberita sebelum mengangkat sumpah, beliau menerima wafat pelantikannya daripada Sultan Ahmad Shah.

Adnan, 49, mengambil alih kepimpinan kerajaan Pahang daripada Tan Sri Khalil Yaakob pada 25 Mei lepas berikutan satu rombakan kecil kabinet.

Mengenai barisan exco negeri, beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi dan pengumuman senarai baru itu akan dibuat pada Rabu atau Khamis.

--BERNAMA

TM ES NAK